



RUJUKAN : P102/OKM/ADKM-2015/4(1)  
TARIKH : 16 APRIL 2015

**PROF. DATUK DR. NOR AZLAN GHAZALI**

Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Emel: nag@pkriscc.ukm.my

YBhg. Datuk,

**MEMOHON MENGADAKAN PERBINCANGAN BERKAITAN MASALAH GANGGUAN BEKALAN AIR YANG DIHADAPI OLEH KOLEJ – KOLEJ KEDIAMAN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya dimaklumkan bahawa terdapat 5 daripada 13 buah kolej kediaman di UKM telah mengalami gangguan bekalan air selama tempoh antara 10 hingga 20 hari di bulan April. 5 buah kolej tersebut adalah Kolej Ungku Omar, Kolej Keris Mas, Kolej Rahim Kajai, Kolej Burhanuddin Helmi dan Kolej Aminuddin Bakti.
3. Isu gangguan bekalan air ini bukanlah perkara baru di UKM kerana pernah berlaku gangguan air yang sangat serius pada tahun 2012. Saya juga difahamkan bahawa gangguan bekalan air ini bukanlah disebabkan oleh masalah loji air rawatan Semenyih sahaja kerana bekalan air di Bandar Baru Bangi dan Kajang tidak terganggu pada tempoh berlaku gangguan bekalan air di dalam UKM.
4. Selepas perjumpaan saya dengan pihak SYABAS, mereka mencadangkan bahawa siasatan terperinci dibuat di dalam kampus UKM untuk mengenal pasti sebab air daripada tangki simpanan air ataupun 'reservoir' di dalam UKM tidak dapat sampai ke kolej kediaman yang disebut di atas dan sama ada salah satu sebab adalah kebocoran paip yang sudah lama tidak digantikan.
5. Oleh itu saya ingin memohon untuk diadakan satu perjumpaan dengan YBhg. Datuk serta Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal bagi membincangkan dan mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah ini demi kebajikan dan kepentingan pelajar – pelajar yang terlibat.

Segala kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk adalah amat dihargai dan diucapkan dengan ribuan terima kasih.



**AHLI PARLIMEN MALAYSIA**  
KAWASAN SERDANG - P102  
**DR ONG KIAN MING 王建民博士**  
马来西亚沙登区(P102)国会议员

Parti Tindakan Demokratik  
民主行动党  
ஐனநாயக செயற் கட்சி  
Democratic Action Party



Yang berkhidmat,

**Dr Ong Kian Ming**  
Ahli Parlimen P102 Serdang  
Sk:

**Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal**  
Timbalan Naib Canselor (HEPA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan